



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan serta berumur 18 tahun keatas. Keutamaan diberi kepada anak tempatan Negeri Kedah yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Kubang Pasu:-

BIL.	JAWATAN/GRED	GRED	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN
1.	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	J19	KONTRAK	1
2.	PEMBANTU KEMAHIRAN	H19	KONTRAK	1

SYARAT LANTIKAN DAN LAIN-LAIN MAKLUMAT:

Sila layari laman Web Majlis Perbandaran Kubang Pasu seperti berikut:

<https://pbt.kedah.gov.my/index.php/majlis-perbandaran-kubang-pasu/>

TARIKH BORANG DIKELUARKAN	: 11 September 2022 hingga 29 September 2022
TARIKH TUTUP PERMOHONAN	: 29 September 2022 (Khamis)
Borang permohonan hanya boleh dimuat turun secara percuma di laman web rasmi https://pbt.kedah.gov.my/index.php/majlis-perbandaran-kubang-pasu/ MULAI 11 September 2022 (Ahad) .	



IKLAN JAWATAN KOSONG MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat KDYMM Sultan Kedah dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan berikut:-

- a) Jawatan : **PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J19**
- b) Agensi : Majlis Perbandaran Kubang Pasu
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
- e) Bilangan Kekosongan : Satu (1)
- f) Taraf Jawatan : Kontrak

Jadual Gaji Minimum Maksimum	: Gaji Minimum	Gaji Maksimum
	RM 1,377.00	RM 4,052.00

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang- kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan pada Gred J19 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan

- i) **A0/A1 : RM1,435.12**
- ii) **A4-2/A4-1/A4 : RM1,493.24**
- iii) **B0-2/B0-1/B0/B1/B4 : RM1,551.36**

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang kurangnya Gred C) dalam **subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT :

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam atau Pemandu / Operator Jentera Pemungkah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuki Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penjaga Elektrik Gred J19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

- a) telah disahkan dalam perkhidmatan: dan
- b) mempunyai kelayakan di perkara 2(c) di atas: dan
- c) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang daripada 54 tahun pada Tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun: atau
 - ii) Berumur kurang daripada 56 tahun pada Tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun: atau
 - iii) Berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas penyenggaraan dan operasi ke atas sistem pemasangan elektrik dengan memastikan tatacara / prosedur keselamatan adalah sentiasa dipatuhi bagi memenuhi keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan- Peraturan Elektrik 1994.

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 SEPTEMBER 2022



IKLAN JAWATAN KOSONG

MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat KDYMM Sultan Kedah dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan berikut:-

- a) Jawatan : **PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19**
- b) Agensi : Majlis Perbandaran Kubang Pasu
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Kemahiran
- d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pelaksana
- e) Bilangan Kekosongan : Satu (1)
- f) Taraf Jawatan : Kontrak

Jadual Gaji Minimum Maksimum	: Gaji Minimum	Gaji Maksimum
	RM 1,377.00	RM 4,052.00

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - i. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1, 377.00); atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1, 435.12); atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1, 435.12); atau
 - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1, 493.24); atau
 - v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred H19: RM1, 493.24)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam **subjek Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3.SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemunggah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

- a) telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
- b) mempunyai kelayakan diperkaran 2(c) di atas lulus Peperiksaan Khas; dan
- c) had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 SEPTEMBER 2022

CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT:

1. Borang permohonan boleh dimuat turun secara percuma di laman web rasmi www.mpkubangpasu.gov.my **MULAI 11 September 2022 (Ahad)** .
2. Sila nyatakan jawatan yang dimohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa menyerahkan permohonan . Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
 - a) Sijil Kelahiran
 - b) Kad Pengenalan Diri
 - c) Sijil-sijil persekolahan
 - d) Kelulusan Akedamik (Sijil/Diploma/Ijazah) *Mana yang berkaitan dengan Jawatan yang dipohon.
 - e) Transkrip keputusan akhir peperiksaan (Jika Diploma/Ijazah sebenar masih belum diterima)
 - f) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport
 - g) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (Jika ada).
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **diakui sah** oleh pegawai kerajaan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional.
4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui KETUA JABATAN masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
5. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
6. Borang Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti di bawah sebelum atau pada **29 September 2022 (Khamis)**.

Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Kubang Pasu
Komplek Pentadbiran Daerah Kubang Pasu
06000 Jitra
Kedah Darul Aman.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030:
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah.

(AZMIN BIN ZAINOL ABIDIN. AMK., BCK.)
Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Kubang Pasu.